

Laporan disediakan oleh,

Shu Feen

(Shu Feen)

Setiausaha,

Kelab Sains,

Sekolah Kebangsaan Seri Makmur.

Laporan Pertandingan Roket Air

Sebelum berakhir, keputusan pertandingan diumumkan. Bakat kreatif para peserta terserlah dalam pertandingan. Pertandingan ini berlangsung dengan jayanya.

Pada 22 hingga 23 Jun 2021 yang lalu, telah berlangsung Pertandingan Roket Air Peringkat Negeri Melaka di Sekolah Kebangsaan Seri Makmur. Seramai 50 orang peserta telah mengambil bahagian dalam acara ini. Objektif acara ini adalah untuk memberikan pendedahan ilmu sains dan teknologi, khususnya bidang sains angkasa, kepada murid. Sebanyak tiga kategori dipertandingkan iaitu pembentangan, roket air sasaran dan roket air payung terjun.

Acara terakhir ialah roket air payung terjun. Roket ini perlu membawa telur sintetik 60 gram sebagai beban. Catatan roket yang paling lama berada di udara diambil kira. Peserta perlu memastikan paras air dan tekanan udara mencukupi sebelum melancarkan roket.

Aktiviti bagi kategori pertama ialah pembentangan kumpulan selama 10 minit. Panel juri akan melakukan penilaian berdasarkan kemahiran pembentangan, sesi soal jawab, kefahaman hukum sains serta kreativiti dan inovasi.

Seterusnya, peserta ke kawasan padang bagi kategori kedua iaitu roket air sasaran. Dalam acara ini, peserta perlu menyasarkan tanda jarak 80 meter dari tapak perlepasan roket sebelum melancarkannya. Penilaian dibuat berdasarkan jarak luncuran. Penonton kelihatan teruja Ketika menyaksikan acara kategori ini.
